

Kekurangan bekalan topeng muka

Kabinet bincang isu bekalan Rabu ini

Pembelian panik ekoran penularan COVID-19 punca stok kurang

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Isu kekurangan bekalan topeng muka di pasaran seluruh negara akan dibincang pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pembelian panik berikutnya kebimbangan orang ramai terhadap penularan COVID-19 menjadi punca utama berlaku kekurangan bekalan topeng.

Katanya, siasatan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapatkan tiada kegiatan menyorok topeng dilakukan oleh pemborong bagi tujuan menaikkan harganya.

"Pegawai dan anggota KPDNHEP akan terus melakukan pemeriksaan dan pemantauan manakala tindakan akan diam-bil jika ada peniaga menaikkan harga bahan itu."



Rosol bersalaman dengan pegawai ketika melawat pejabat KPDNHEP Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

"Kerajaan sudah mengisyaratkan topeng muka sebagai barang kawalan dan tindakan menaikkan harganya boleh membawa kepada tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat pejabat KPDNHEP negeri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah KPDNHEP Terengganu, Sahruddin Mohd Kia.

Mengulas larangan mengimpor topeng, Rosol berkata, kerajaan perlu berhati-hati untuk mendapatkan bekalan dari luar negara bagi mengelak penularan COVID-19.

"Setakat ini, kerajaan yakin dengan kemampuan pembekal topeng di negara ini, tetapi keputusan muktamad bagi menyelesaikan masalah kekurangan bahan itu akan dibincangkan Rabu ini," katanya.

Mengenai pemborong dan peniaga tidak mengurangkan harga barang walaupun berlaku penurunan harga minyak sejak dua minggu lalu, Rosol menegaskan pengguna perlu bijak membuat pilihan.

Katanya, KPDNHEP hanya boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga yang menaikkan harga bahan-kawan kawalan.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan belum mengeluarkan arahan menghentikan pembelian barang dalam talian terutama dari China susulan penularan COVID-19.

Rosol bagaimanapun mengaku pendapatannya usahawan perniagaan dalam talian terjejas berikutan COVID-19.

Bagaimanapun, katanya, punca utama pendapatannya usahawan dalam talian terjejas disebabkan sikap berwaspada pengguna.

"Sejak virus COVID-19 melanda seluruh dunia, ia turut membawa kesan terhadap pembelian barang dalam talian dari China," katanya.